

KARIER DAN PROSPEK

Para siswazah **bekerja dengan cemerlang** dalam pelbagai profesion seperti **pendidik, ketua panitia, ketua bidang, jurulatih utama pensyarah** atau **editor di sekolah rendah, sekolah menengah, institut pendidikan guru** atau **media penerbitan Bahasa Malaysia** awam dan swasta



“Sebagai universiti berprestij, UM sentiasa memberikan perkhidmatan infrastruktur dan infostruktur terbaik kepada para pelajar. Begitu

juga dengan waktu kuliah dan khidmat penyeliaan yang mesra kepada pelajar. Bimbingan daripada penyelia yang bukan sahaja berilmu, malah berpengalaman juga mudah diperolehi dan sangat membantu saya menjalankan penyelidikan. UM

Terbaik!”.-Zul Hazmi Hamad

KENAPA MEMILIH SARJANA PENDIDIKAN UM?

- 1** Kedudukan UM berada di tempat ke 146 di dunia mengikut QS World University Rankings dan pertama di Malaysia.
- 2** Fakulti Pendidikan UM menduduki tempat ke 52 di dunia mengikut QS World University Rankings. Kami menawarkan program pendidikan TERBAIK di Malaysia.
- 3** Program Sarjana Pendidikan Bahasa Malaysia ialah program Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu yang PERTAMA di Malaysia dan terkenal dengan kesarjanaannya.
- 4** Kepimpinan akademik yang kuat bahawa staf akademik terdiri daripada golongan pakar pendidik bahasa Melayu yang merupakan penulis buku teks Bahasa Melayu, pengerusi AJK Meningkatkan Kualiti buku teks sekolah, editor buku teks, penyelidik yang mempunyai jalinan dengan universiti lain dan Kementerian Pendidikan Malaysia,

HUBUNGI KAMI

Permohonan hendaklah dilakukan secara online di

<http://ips.um.edu.my>



SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MALAYSIA

PELAJAR SARJANA PENDIDIKAN BM

Fakulti Pendidikan, UM ialah fakulti yang paling awal menawarkan Program Sarjana Pendidikan Bahasa Malaysia di Malaysia. Dengan memasuki program ini, ini bererti anda akan menjadi ahli komuniti, pelajar pasca siswazah dan ahli Fakulti Pendidikan yang terlibat secara langsung dalam isu profesional pengajaran Bahasa Kebangsaan yang penting. Program kami adalah diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Program Sarjana Pendidikan Bahasa Malaysia kami menyediakan asas pengajaran dan penyelidikan yang kuat kepada anda di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Kami mengendalikan isu-isu semasa pendidikan Bahasa Malaysia termasuklah Penilaian Berasaskan Sekolah, Program LINUS, PROTEM, KBAT, FROG, dan lain-lain. Selain itu, pelajar kami juga meneroka isu-isu Komponen Kesusasteraan (KOMASAS) dalam Bahasa Malaysia dan analisis wacana serta teori pendidikan. Metodologi penyelidikan dan penulisan akademik juga menjadi teras kursus kami.

Jikalau anda ingin menjadi pendidik yang berwibawa, ingin meningkatkan kemahiran pengajaran dan penyelidikan serta berhasrat memberi impak kepada masyarakat melalui pendidikan Bahasa Malaysia, maka program inilah menjadi pilihan utama anda. Kami mengalu-alukan kedatangan anda!

VISI

menjadi **pusat kecemerlangan**
di peringkat **kebangsaan dan**
antarabangsa dalam
pendidikan, perkembangan modal
insan, penyelidikan, inovasi, penelitan dan
Konsultansi Pendidikan.

PROGRAM SARJANA PENDIDIKAN BM

Program Pendidikan Bahasa Malaysia direka khas untuk memberi peluang kepada anda untuk meneroka perkembangan terkini pengajaran Bahasa Malaysia. Program ini bukan sahaja meliputi kursus pengajaran, tetapi juga termasuk aspek penyelidikan, penulisan akademik secara teori dan amalan.

Dalam program ini, anda akan ditawarkan kursus teras program, kursus teras wajib dan kursus elektif serta projek penyelidikan.

Antara kursus-kursus Sarjana Pendidikan Bahasa Malaysia termasuk:

- Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan
- Prinsip dan Amalan dalam Pengajaran Bahasa Malaysia
- Kesusasteraan dalam Pengajaran Bahasa Malaysia
- Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan Bahasa Malaysia
- Sosiolinguistik dalam Pendidikan Bahasa Malaysia
- Psikolinguistik dalam Pendidikan Bahasa Malaysia
- Kajian Perkembangan Literasi Bahasa Malaysia
- Kajian Pendidikan Guru Bahasa Malaysia

Anda juga akan mempelajari kaedah menjalankan penyelidikan sama ada berbentuk kuantitatif atau kualitatif. Selepas mengambil semua kursus, anda akan menghasilkan projek penyelidikan berkenaan dengan isu pendidikan Bahasa Malaysia untuk melayakkan anda graduat.



APA KATA PELAJAR KAMI?



Lalitha A/P
Appukkutty

“Program ini dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah yang berkaliber. Program ini juga memberi banyak impak dan faedah kepada pelajar. Pelajar-pelajar yang mengikuti program ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang bahasa dan dalam jurusan pendidikan. Selain daripada itu program ini juga mendorong pelajar-pelajar menguasai perkara-perkara baharu yang tidak diketahui sebelum ini. Pengetahuan am pelajar akan bertambah luas. Secara ringkasnya boleh dikatakan program Pendidikan Bahasa Malaysia ini melahirkan insan yang seimbang dan harmonis”.

Lim Chiu Tieng

“Pengajian Bahasa Malaysia menjadi suatu bidang yang menyeronokkan di bawah pengajaran Dr. Chew. Beliau merupakan seorang pensyarah yang bertauliah



dalam membimbing pelajar sarjana untuk menghasilkan penyelidikan yang berkualiti. Selain itu, Saya juga banyak belajar daripada pensyarah lain. Saya suka akan persekitaran pembelajaran di sini yang mementingkan kualiti dan piawai

